

22.3.2022

Siaran Media

Oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

305 LKH: PENGGUNAAN AIR DOMESTIK PER KAPITA DI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2021 BERADA PADA TAHAP TERTINGGI PERNAH DICAPAI

- **Disebabkan oleh “budaya sosioekonomi Covid-19”, lebih ramai rakyat Pulau Pinang menggunakan lebih banyak air di rumah berbanding sebelum ini.**
- **Penggunaan air domestik menyumbang 64% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang pada tahun 2021.**

PULAU PINANG, Selasa, 22.3.2022: Penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang direkodkan pada 305 LKH (liter/kapita/hari) untuk 2021. Ini adalah kali pertama Pulau Pinang mencecah paras 300-LKH sejak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mula melaporkan statistik ini pada tahun 1999.

Punca utama adalah “budaya sosioekonomi Covid-19” Malaysia. Memandangkan lebih ramai orang terpaksa tinggal di rumah semasa beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bekerja dari rumah (BDR), mereka secara semula jadi menggunakan lebih banyak air di rumah.

PBAPP juga memahami bahawa lebih ramai orang menggunakan lebih banyak air untuk mengekalkan kebersihan yang baik pada tahun 2021, untuk meminimumkan risiko jangkitan virus.

Walau bagaimanapun, statistik 305 LKH adalah perkara yang membimbangkan PBAPP, atas sebab-sebab berikut:

- Pada 2018 (tahun pra-pandemik), penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang sudah berada pada 278 LKH, kedua tertinggi di Malaysia selepas Perlis*. Rakyat Malaysia yang lain dilaporkan menggunakan purata 200-210 LKH, manakala purata global ialah 140-150 LKH**.
- Penggunaan air domestik menyumbang 64% daripada jumlah penggunaan 860 JLH (juta liter sehari) di Pulau Pinang pada tahun 2021.

Ini bermakna penduduk Pulau Pinang menggunakan lebih banyak air di rumah berbanding kesemua kilang, hotel, kedai runcit dan premis perniagaan Pulau Pinang.

- Data sejarah menunjukkan bahawa penggunaan domestik per kapita telah meningkat sebanyak 19.6%, daripada 255 LKH pada tahun 2000 kepada 305 LKH pada tahun 2021 (*Sila rujuk Lampiran A*). Mengunjurkan ke hadapan, penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang mungkin mencapai 333 LKH (atau lebih tinggi) menjelang 2030, jika tidak dikawal.
- Dengan mengambil kira unjuran permintaan air, PBAPP sudah merancang untuk melabur ratusan juta ringgit untuk projek kejuruteraan bekalan air bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga 2030. Walau bagaimanapun, penggunaan domestik per kapita yang semakin tinggi akan memaksa PBAPP menyemak semula rancangannya dan melaksanakan lebih banyak lagi projek untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan.
- Terdapat hubungan langsung antara kadar air dan penggunaan domestik ((Sila rujuk Lampiran B). Semakin tinggi kadar air, semakin rendah penggunaan domestik. Bagi Pulau Pinang, dengan kadar air yang paling rendah, penggunaan domestik per kapita adalah tertinggi, manakala Singapura dengan kadar air tertinggi mempunyai penggunaan domestik per kapita terendah.

PENGURUSAN PERMINTAAN AIR

1. MENAIKKAN NILAI AIR

Terdapat cara yang terbukti untuk “menangani” atau “menyederhanakan” penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang. Ia memerlukan “surcaj penjimatan air” (WCS) atau semakan tarif.

PBAPP memperkenalkan WCS pada 2010 pada RM0.24 setiap 1,000 liter (hanya untuk penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan). Penggunaan domestik per kapita telah dikurangkan daripada 291 liter/kapita/hari (LKH) pada tahun 2010 kepada 285 LKH pada tahun 2011.

Pada 2013, PBAPP menaikkan nilai WCS kepada RM0.48 setiap 1,000 liter (hanya untuk penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan). Pada tahun 2015, PBAPP menyemak semula tarif air di Pulau Pinang. Penggunaan

domestik per kapita menurun daripada 295 LKH pada 2015 kepada 276 LKH pada 2017.

2. PERANTI PENJIMATAN AIR

Walaupun PBAPP mungkin tidak mempunyai pilihan selain menaikkan nilai air untuk mengurangkan penggunaan air domestik yang luar biasa tinggi di Pulau Pinang dalam jangka pendek, kami percaya bahawa terdapat cara yang lebih baik dan lebih mampan untuk jangka panjang.

- **Pemasangan mandatori Peranti Penjimatan Air (WSD) dalam projek pembangunan baharu.**

Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang memerlukan WSD (kelengkapan paip, kelengkapan pancuran mandian, tangki tandas dan *urinal*) dipasang di semua projek baharu. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan cadangan PBAPP untuk pemasangan mandatori WSD pada 28.11.2017. Pada masa ini ia sedang dikuatkuasakan oleh MBPP, MBSP dan PBAPP.

WSD secara automatik mengurangkan penggunaan air sebanyak 14% hingga 87%. WSD juga termasuk mesin basuh dan mesin basuh pinggan mangkuk yang cekap air, seperti yang disyorkan oleh SPAN dalam “Skim Pelabelan Produk Cekap Air” mereka.

Peraturan WSD Pulau Pinang akan memberi impak yang besar terhadap pemuliharaan air dalam negeri yang kekurangan air. Pada asasnya, semua bangunan baharu akan mengawal penggunaan air secara automatik. Sifat “automatic” WSD akan membantu mengurangkan penggunaan domestik per kapita dengan ketara dalam jangka masa panjang.

Bagi pihak PBAPP, saya ingin mengulangi bahawa kami memahami sebab penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang mencecah 305 LCD pada 2021, disebabkan oleh Covid-19. Namun begitu, ini adalah senario pandemik “global”. Jadi, untuk memastikan kelestarian bekalan air, perlulah menggunakan air dengan lebih bijak di rumah pada tahun 2022.

Terima kasih.

- * “Peninsular Malaysia and FT Labuan Water and Sewerage Statistics 2019”
– SPAN

**** “The Malaysian Water Industry Status and Outlook Report 2021/21” – MWA**


Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs





PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

“APPENDIX B”

DOMESTIC WATER TARIFFS VS. PER CAPITA DOMESTIC CONSUMPTION



(Please refer to Appendix A)

SOURCE : MWIG 2019, except for Penang (PBAPP, 2021) and Singapore (PUB, 2021)